

**AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNTUK MENINGKATKAN
PERKEMBANGAN PSIKOMOTOR KANAK-KANAK**

***TEACHING AND LEARNING PRACTICES TO IMPROVE CHILDREN'S
PSYCHOMOTOR DEVELOPMENT***

Masitah Musa
Sarah Aleszadatul Arissa Samsi
Nurul Shafiqah Rahmathullah
Siti Nur Nadirah Ibrahim
Fazlina Haji Ismail
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial
Universiti Selangor

Corresponding Author's Email: masitah@unisel.edu.my

Article history:

Received : 1 Mei 2024
Accepted : 26 August 2024
Published : 31 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Masitah, M., Sarah, A. A. A., Nurul, S. R., Siti, N. N. I., & Fazlina, H. I. (2024). AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNTUK MENINGKATKAN PERKEMBANGAN PSIKOMOTOR KANAK-KANAK. *Jurnal Kesidang*, 9(1), 11-20.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran psikomotor kanak-kanak. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru dalam usaha memperkembangkan kemahiran psikomotor kanak-kanak di tadika swasta. Reka bentuk kajian yang dijalankan melibatkan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik dalam bentuk "google form". Soal selidik mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A mengenai demografi responden, bahagian B berkaitan tahap pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan guru bagi perkembangan kemahiran psikomotor kanak-kanak. Pemilihan responden kajian dilakukan secara sampel rawak mudah melibatkan 113 orang guru tadika swasta di daerah Petaling, Selangor. Data kajian dianalisis secara statistik deskriptif melibatkan nilai kekerapan, min, peratusan dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan guru tadika dalam melaksanakan pembelajaran menggunakan tunjang fizikal dan estetika adalah tinggi. Maka, untuk meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam perkembangan psikomotor kanak-kanak adalah dengan meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan melalui bahan bantu mengajar yang efektif. Oleh itu, setiap guru hendaklah memahami peranan dan tanggungjawab tersendiri kerana peranan dan tanggungjawab guru memberi impak yang besar dan mendalam kepada setiap kanak-kanak

Kata Kunci: Psikomotor, Pembelajaran, Perkembangan, Guru Tadika.

ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate methods of instruction and learning that improve children's psychomotor abilities. The objective of the study is to identify the teaching and learning practices implemented by teachers in an effort to develop the psychomotor skills of children in private kindergartens. The study's methodology comprised a quantitative approach with a "Google Form" survey that was circulated. There are three sections to the survey: The demographics of respondents are covered in Section A, and the amount of teaching and learning that teachers do to help children develop their psychomotor skills is covered in Section B. 113 private kindergarten teachers in the Petaling district of Selangor were among the respondents who were chosen using a basic random sample technique. The frequency, mean, percentage, and standard deviation figures were used in a descriptive analysis of the research data. The study's conclusions show that kindergarten instructors have a high degree of experience integrating learning with the use of aesthetic and practical supports. Therefore, it is essential to strengthen teachers' abilities in effective teaching and learning through the use of effective teaching aids in order to improve teaching and learning practices for the development of children's psychomotor skills. Because a teacher's function and obligations have a huge and profound impact on every kid, it is imperative that all teachers understand their tasks and responsibilities.

Keywords: Psychomotor, Learning, Development, Kindergarten Teacher.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan awal kanak-kanak adalah penting kerana ianya merupakan pendidikan asas yang akan berlangsung sepanjang hayat. Lapan tahun pertama adalah sangat penting untuk menentukan hala tuju kehidupan pada masa akan datang dan kebiasaan mereka melakukan sesuatu perkara dengan baik.. Menurut Hierarki Keperluan Maslow (1943), tahap terendah adalah keperluan asas sehingga keperluan yang paling tinggi iaitu yang paling kompleks di bahagian atas piramid. Fisiologi merupakan keperluan yang paling asas demi kelangsungan hidup manusia.

Sehubungan dengan itu, penerokaan pembelajaran melalui persekitaran dapat mengembangkan perkembangan kognitif, sosial dan emosi mereka. Perkembangan psikomotor membantu kanak-kanak mengawal pergerakan dan mengkoordinasi sistem pergerakan kompleks yang berbeza kemudian disatukan membentuk kemahiran baru yang disesuaikan dengan persekitarannya. Hal ini bermaksud seseorang kanak-kanak atau individu itu akan terus mengalami perubahan dari segala segi walaupun usia mereka semakin bertambah. Menurut Anning dan Ball (2008), persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan atau responsif mempunyai kesan yang besar terhadap perkembangan pembelajaran kanak-kanak secara keseluruhan. Menyedari hakikat ini, guru harus menggunakan pedagogi yang sesuai dan sistematik dalam setiap aktiviti pembelajaran untuk menjadikannya lebih berkesan dan memberi makna kepada kanak-kanak terutamanya dalam aspek psikomotor, sosial, kognitif dan emosi (Peirce dalam Irwan Mahazir, 2019). Dengan menyediakan aktiviti yang sesuai untuk tahap umur

kanak-kanak, kanak-kanak boleh meningkatkan kemahiran psikomotor mereka untuk menyokong perkembangan mereka. Jumlah murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di negara ini meningkat kepada 107,020 pada 31 Januari 2023, menurut Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan. Ini meningkat daripada 97,220 pada 2021 dan 93,951 pada 2020. Termasuk masalah fizikal, pembelajaran, ketidakupayaan, pendengaran dan penglihatan. Jika dilihat dari sudut pandangan kesukaran belajar. Ia merupakan gangguan yang berkaitan dengan satu atau lebih isu psikologi. Menurut Yulinda (2010), gangguan yang berlaku akan menyebabkan masalah seperti mengeja, menghitung, bercakap dan sebagainya. Selain itu, penggunaan teknologi yang berlebihan oleh kanak-kanak akan mengganggu tumbesaran mereka kerana menerima tekanan pada mata dan implikasi serius seperti kesukaran melakukan aktiviti harian, memanupulasi dan sebagainya. Kanak-kanak yang ketagih teknologi ini juga akan menghadapi masalah postur badan seperti sakit belakang dan masalah otot-otot lain akibat sering menggunakannya. Kesakitan ini akan berlarutan sehingga dewasa dan mengakibatkan kanak-kanak sukar untuk melaksanakan aktiviti harian.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana guru menggunakan pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran psikomotor kanak-kanak, serta tahap penguasaan perkembangan psikomotor kanak-kanak di tadika swasta dengan tumpuan kepada Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika. Menurut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017), tunjang ini menekankan pembangunan fizikal dan kesihatan untuk kesejahteraan diri serta meningkatkan kreativiti, bakat, imaginasi dan minat pelajar dalam karya seni.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti amalan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan guru bagi meningkatkan kemahiran psikomotor kanak-kanak.

Soalan Kajian

1. Apakah amalan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan guru bagi meningkatkan kemahiran psikomotor kanak-kanak.

3.0 SOROTAN LITERATUR

Psikomotor adalah kemahiran motor halus, dan reka bentuk antara muka memerlukan perhatian, kerana koordinasi tangan dan mata masih dalam peringkat pertumbuhan. Misalnya, mata kanak-kanak belum bersedia untuk melihat secara berterusan. Oleh itu, supaya permainan membenarkan pembelajaran melalui pengalaman, permainan mesti bersifat fizikal dan menggunakan elemen asas motor kasar dan kemahiran motor halus. Oleh itu, elemen perkembangan yang digunakan dalam permainan yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak prasekolah boleh mencapai matlamat

yang digariskan dan membolehkan kanak-kanak dengan jayanya meningkatkan kemahiran mereka.

Menurut Abdul Halim Masnan (2019), pengetahuan pengajaran guru prasekolah mesti terdiri daripada beberapa aspek penting: pengetahuan, kemahiran, dan sikap pengajaran. Kaedah gabungan digunakan untuk menjalankan kajian ini. Ia menjelaskan bahawa penyelidik menghasilkan pengetahuan tentang pengajaran guru prasekolah merangkumi pemilihan dan penggunaan teknik pengajaran yang boleh membantu kanak-kanak memahami bahan pelajaran, memenuhi keperluan pembelajaran secara berkumpulan, merangsang dan mengekalkan perhatian kanak-kanak, dan meningkatkan pencapaian mereka. Hasil temu bual menunjukkan bahawa pengetahuan guru prasekolah meningkat seiring dengan jumlah masa mereka bekerja dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Apabila mereka menganalisis dokumen, pengkaji mendapati bahawa rancangan pengajaran harian guru prasekolah adalah ringkas, menarik, dan kemas. Secara keseluruhannya, guru prasekolah mempunyai pengetahuan pengajaran yang baik, dan seterusnya dapat memberi impak yang positif dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.

Kajian yang dilakukan oleh Irwan Mahazir Ismail pada 2018 mendapati bahawa elemen perkembangan kognitif, psikomotor dan sosioemosi harus digunakan dalam permainan untuk mencapai objektif kurikulum standard prasekolah kebangsaan. Kajian itu menekankan aspek umur dan objektif pembelajaran yang akan dicapai melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berdasarkan elemen perkembangan. Ini memberikan panduan untuk elemen yang harus digunakan dalam permainan yang sesuai. Perkembangan kanak-kanak prasekolah harus dikaitkan dengan perkembangan kognitif, psikomotor, emosi, sosial dan psikoseksual. Dengan melakukan ini, kanak-kanak boleh meningkatkan pelbagai kemahiran, termasuk kemahiran kreatif dan imaginasi, kemahiran berfikir, kemahiran bahasa, kemahiran sosial, dan kemahiran moral dan ketuhanan. Aktiviti yang hendak dilaksanakan guru haruslah berkait rapat dengan perkembangan kognitif, psikomotor, emosi, sosial dan psikoseksual kanak-kanak prasekolah. Melalui cara ini, kanak-kanak dapat meningkatkan pelbagai kemahiran seperti kemahiran imaginasi dan kreativiti, kemahiran mengawal perasaan, kemahiran berfikir, kemahiran bahasa, kemahiran sosial serta kemahiran moral dan ketuhanan.

Menurut John P. Rech, Priyanka Chaudhary & et. al., (2023) mendapati bahawa terdapat hubungan langsung antara tahap aktiviti fizikal guru prasekolah dan persepsi mereka tentang aktiviti fizikal kanak-kanak di pusat prasekolah. Selain itu, adalah wajar untuk mempertimbangkan pengetahuan guru dan hasil sendiri apabila memasukkan aktiviti fizikal dalam pembelajaran dan bermain bebas. Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa kebarangkalian bahawa kanak-kanak akan mengambil bahagian dalam aktiviti fizikal meningkat apabila guru menggalakkan dan menunjukkan aktiviti fizikal kepada mereka. Oleh itu, guru mesti tahu bagaimana untuk menggalakkan pelbagai jenis permainan aktif fizikal dan bagaimana untuk memasukkan pergerakan ke dalam pembelajaran yang teratur untuk meningkatkan tahap fizikal kanak-kanak.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian tinjauan digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang tahap pengajaran guru dalam membantu perkembangan psikomotor kanak-kanak. Hasil kajian bergantung sepenuhnya kepada reka bentuk dan metodologi kajian. Mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan persoalan adalah penting (Creswell, 2009). Pengkaji mengedarkan soal selidik kepada guru tadika swasta di daerah Petaling, Selangor untuk menilai cara guru mengajar kanak-kanak dalam meningkatkan kemahiran psikomotor mereka. Terdapat tiga bahagian di dalam borang soal selidik iaitu demografi, tahap pengajaran dan pembelajaran untuk mengembangkan psikomotor kanak-kanak. Sampel kajian ini melibatkan 113 orang guru tadika swasta. Borang soal selidik dihasilkan dengan menggunakan aplikasi *Google Form* dan disebar kepada responden dengan menggunakan link aplikasi *WhatsApps*. Soal selidik dibangunkan oleh pengkaji dan menggunakan skala likert lima mata dan nilai skor min untuk mengukur amalan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru dalam mengembangkan kemahiran psikomotor kanak-kanak seperti dalam Jadual 1 dan jadual 2 dibawah yang mana merujuk kepada Mohd Najib (1994).

Jadual 1: Skala likert bagi pilihan jawapan borang soal selidik

	1	2	3	4	5
SKOR	Sangat	Tidak	Kurang	Setuju	Sangat
	Tidak	Setuju	Setuju	(S)	Setuju
	Setuju	(TS)	(KS)		(SS)
	(STS)				

Jadual 2: Tahap Kecenderungan Skor Min

Julat Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

5.0 DAPATAN KAJIAN

Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Yang Dilakukan Guru Bagi Perkembangan Psikomotor Kanak kanak.

Bahagian ini membincangkan mengenai jawapan kepada persoalan kajian yang telah diwujudkan.

Jadual 3: Analisis Statistik Sisihan piawai Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Yang Dilakukan Guru Bagi meningkatkan Perkembangan Psikomotor Kanak-kanak.

	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Guru melaksanakan pembelajaran menggunakan tunjang fizikal dan estetika.	113	4	0.497	Tinggi
Guru memanipulasi kemahiran menggunakan bahan.	113	3	0.596	Tinggi
Guru menggunakan ruang pembelajaran secara optimum.	113	3	0.545	Tinggi
Guru meningkatkan pengetahuan dan menguasai kemahiran terkini, kreatif serta inovatif.	113	2	0.568	Tinggi
Guru melaksanakan pendekatan yang sesuai dan sistematik di dalam setiap aktiviti pembelajaran.	113	2	0.584	Tinggi
Guru menjalankan pengajaran mengenai pengurusan diri.	113	3	0.536	Tinggi
Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita dan berlakon semasa pembelajaran.	113	2	0.691	Tinggi

Guru melaksanakan teknik mengajar berpusatkan murid.	113	2	0.587	Tinggi
Guru menggalakkan kanak-kanak bermain sambil belajar.	113	1	0.810	Tinggi
Guru menjalankan pengajaran menggunakan pergerakan muzik.	113	3	0.584	Tinggi

Merujuk kepada jadual diatas adalah berkaitan analisis statistik nilai min berkenaan item amalan keberkesanan pembelajaran yang dilakukan guru bagi perkembangan psikomotor kanak-kanak. Item

pertama adalah berkaitan dengan guru melaksanakan pembelajaran menggunakan tunjang fizikal dan estetika dengan catatan nilai min sebanyak 4 bersamaan dengan 0.497 sisihan piawai. Bagi item kedua, guru memanipulasi kemahiran menggunakan bahan telah mencatatkan nilai min 3 bersamaan sisihan piawai 0.596. Bagi item ketiga adalah berkaitan guru menggunakan ruang pembelajaran secara optimum dengan nilai skor min 3 bersamaan dengan 0.545 sisihan piawai. Selanjutnya, bagi item yang keempat telah mencatatkan nilai skor min sebanyak 2 iaitu 0.568 sisihan piawai bagi soalan berkaitan guru meningkatkan pengetahuan dan menguasai Kemahiran terkini, kreatif serta inovatif. Item yang kelima pula mencatatkan nilai min sebanyak 2 bersamaan dengan sisihan piawai 0.584 berkaitan guru melaksanakan pendekatan yang sesuai dan sistematik di dalam setiap aktiviti pembelajaran.

Seterusnya, bagi item yang keenam adalah berkaitan dengan guru menjalankan pengajaran mengenai pengurusan diri telah mencatatkan skor min sebanyak 3 bersamaan sisihan piawai 0.536. Bagi item ketujuh adalah berkaitan guru menggalakkan kanak-kanak bercerita dan berlakon semasa pembelajaran telah mencatatkan nilai min sebanyak 2 bersamaan dengan 0.691 sisihan piawai. Manakala item kelapan adalah berkaitan dengan guru melaksanakan teknik mengajar berpusatkan murid dengan catatan nilai skor min 2 bersamaan dengan 0.587 bagi sisihan piawai. Item yang kesembilan mencatatkan nilai skor min sebanyak 1 dengan sisihan piawai sebanyak 0.810 berkaitan dengan guru menggalakkan kanak-kanak bermain sambil belajar. Bagi item yang terakhir adalah berkaitan dengan guru menjalankan pengajaran menggunakan pergerakan muzik telah mencatatkan nilai min sebanyak 3 dengan sisihan piawai 0.584.

6.0 PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Pengkaji telah melakukan kajian untuk mengetahui amalan pengajaran dan pembelajaran oleh guru tadika swasta dalam membantu perkembangan psikomotor kanak-kanak di tadika. Sebanyak 10 soalan telah dijawab oleh para guru tadika swasta untuk mengetahui amalan pengajaran dan pembelajaran

psikomotor kanak-kanak tadika di sekitar Kuala Selangor dan Puncak Alam, Selangor. Dapatan kajian menunjukkan min tertinggi adalah 4.00 iaitu item “Guru melaksanakan pembelajaran menggunakan tunjang fizikal dan estetika”. Responden bagi item ini mencatatkan responden terbanyak ‘sangat setuju’ iaitu 65 orang (57.5%) dan diikuti oleh 48 orang responden (42.5%) ‘setuju’ dengan kenyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesemua responden menggunakan tunjang fizikal dan estetika di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) sebagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan perkembangan psikomotor kanak-kanak di tadika mereka. Manakala min terendah iaitu “Guru menggalakkan kanak-kanak bermain sambil belajar” dengan nilai min 1.00. Terdapat 5 orang responden menunjukkan kurang menggalakkan kanak-kanak bermain sambil belajar.

Keputusan kajian ini disokong oleh beberapa kajian seperti kajian Ahmad Jumry (2023) yang menyatakan bahawa pembangunan kemahiran motor yang baik akan membantu Kanak Kanak untuk lebih aktif dan yakin dalam pergerakan. Selain membantu dalam meningkatkan lakuan motor, kemahiran motor yang baik juga membantu kanak-kanak dalam meningkatkan kemahiran interaksi sosial. Malah, penilaian awal oleh ibu bapa dan juga para pendidik penting bagi memantau pembangunan kemahiran motor kasar kanak-kanak terutama ketika di prasekolah dan sekolah rendah. Hal ini bagi mengelakkan kanak-kanak tersebut mengalami kelewatan dalam perkembangan motor selain dapat membantu ahli terapi dalam mereka bentuk program intervensi yang berkesan.

7.0 CADANGAN KAJIAN

Antara cadangan bagi meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam peningkatan perkembangan psikomotor kanak-kanak adalah dengan meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan melalui bahan bantu mengajar yang efektif. Ini perlu dilakukan kepada kanak-kanak bagi memberangsangkan lagi penglibatan mereka dalam pembelajaran. Guru-guru memainkan peranan penting sebagai pembimbing, pemudah cara dan pengasuh kanak-kanak dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti. Guru juga berupaya untuk merangsang perkembangan kanak-kanak terutama dari aspek psikomotor sekiranya penggunaan bahan bantu mengajar adalah menarik dan berinovasi. Oleh yang demikian, kanak-kanak akan mendapatkan pengalaman yang sewajarnya apabila proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara berkesan. Seterusnya, penglibatan dari pihak media massa seperti internet, televisyen, radio dan lain-lain dapat membantu dalam meningkatkan perkembangan psikomotor dari segi motor halus dan motor kasar serta mengenalpasti tahap kefahaman guru dalam usaha membantu meningkatkan perkembangan psikomotor kanak-kanak tersebut. Penerangan dari segi faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak melalui penyediaan poster infografik, majalah, risalah dan lain-lain lagi juga dilihat sangat sesuai dan produktif. Akhir sekali, peranan ibu bapa juga dilihat wajar supaya mereka dapat bekerjasama dengan pihak pengurusan dan pendidik-pendidik di tadika dalam

usaha mempertingkatkan dan mempraktikkan kemahiran psikomotor kanak-kanak semasa di rumah. Hal ini demikian kerana masa kanak-kanak adalah lebih lama terluang semasa dirumah bersama keluarga berbanding disekolah.

8.0 KESIMPULAN

Maka jelaslah bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan masalah dalam amalan pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan perkembangan psikomotor dalam kalangan kanak-kanak. Antaranya, kaedah yang digunakan guru dalam pengajaran dan pembelajaran serta terdapat segelintir kanak-kanak yang masih lemah dalam penguasaan perkembangan psikomotor yakni dalam aspek yang menyeluruh. Oleh itu, setiap guru hendaklah memahami peranan dan tanggungjawab tersendiri. Hal ini kerana, peranan dan tanggungjawab guru memberi impak yang besar dan mendalam kepada setiap kanak-kanak. Malah, semua pihak juga perlu bekerjasama dalam usaha meningkatkan perkembangan psikomotor dalam kalangan kanak-kanak. Pihak berkuasa turut memainkan peranan penting seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan juga pemilik tadika.

Sumbangan Pengarang

Masitah, M. Penentuan tajuk, Objektif kajian dan literatur, Sarah, A. A. A., Metod kajian dan semakan bab 1 hingga bab 3. Nurul, S. R., Dapatan kajian dan rujukan. Siti, N. N. I., Kesimpulan dan Cadangan. Fazlina, H. I. Format, ejaan dan semakan sitasi.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

References

- Ahmad Jumry, N. A., & Lian, D. K. C. (2023). Mengukur Perkembangan Kemahiran Motor KanakKanak Prasekolah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6(18), 91 - 101.
- Anning, A., & Ball, M. (2008). *Improving services for young children. From SureStart to children's centres*. London: SAGE Publication.
- Cresswell, J. W. (2009). *Research design : Qualitative, quantitative, mixed methods approaches (4th ed.)*: Sage Publication, Incorporated.
- Irwan Mahazir Ismail, Siti Khadijah Anis, Tamil Selvan Subramaniam, Mohd Hasril Amiruddin, Mohd Erfy Ismail (2019). Penerapan Elemen Perkembangan Kognitif, Psikomotor Dan Sosio-Emosi Dalam Permainan Dalam Mencapai Objektif Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia dimuat turun daripada penerbit UTHM.pdf

- John P. Rech, Priyanka Chaudhary, Michaela Schenkelberg & Darae Dinkel. (2023). A Convergent Mixed Methods Study To Explore Physical Activity Among Teachers and Children During The Preschool Day. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC10066951/>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Dimuat turun daripada <https://www.scribd.com/document/335650928/KSPK-SEMAKAN-2017>
- Maslow, A. H. (1943). A Theory of Human Motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370–396. <https://doi.org/10.1037/h0054346>
- Masnan, A. H., Anthony, N. E., & Zainudin, N. A. S. (2019). Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah: The knowledge of teaching among preschool teachers. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 33–41.
- Mohammad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*, Skudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Peirce, N. (2013). *Digital Game-based Learning for Early Childhood. Ireland : A State of the Art Report* Learnovate Centre.
- Yulinda, E. S. (2010). Kesulitan Belajar. *Magistra* 73 Th. XXII September 2010, 33-47.